

‘Insiden kiyai hina penjual teh wajar jadi iktibar’

Putrajaya: Insiden seorang pendakwah di Indonesia yang didakwa menghina seorang penjual teh dalam satu majlis ceramah sehingga videonya tular di media sosial wajar menginsafkan semua, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, insiden itu menjadi pengajaran besar, terutama kepada golongan berilmu serta yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat, supaya bersikap lebih mulia dan tidak mudah menghina golongan bawahannya.

“Di Indonesia, beberapa hari ini riuh rendah di media sosial

seorang kiyai (pendakwah) dalam dakwahnya, dia menghina seorang penjual teh. Saya lihat ramai yang menonton.

“Di antara paling miskin, tapi dia pendakwah dan rakan-rakannya dengan ketawanya. Sehingga Presiden (Indonesia), Prabowo (Subianto) beri kenyataan agak keras. Akhirnya dia (pendakwah) itu berkunjung ke daerah penjaja berkenaan dan mohon maaf.

“Ini satu contoh bahawa keangkuhan,’ sombong itu bukan sahaja dalam kalangan orang yang tak tahu agama, tapi orang yang faham agama, yang bicara

mengenai Islam akidah dan solat, tapi kadang-kadang boleh menghina,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bersama kakitangan Kementerian Kewangan (MOF), di sini, semalam.

Harus dihadam kerajaan

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pengajaran daripada insiden itu juga harus dihadam kerajaan, khususnya dalam memberi kefahaman pelaksanaan dasar kerajaan kepada rakyat dari kelompok seperti itu.

“Apakah makna transisi tenaga bagi orang-orang seperti ini. Jadi carilah kaedah (untuk beri penerangan dan kefahaman kepada mereka).

“Di bank yang catatan keuntungannya besar, apa kedudukan orang termiskin yang bekerja dengan kita. Apa maknanya, rumah di mana, gajinya berapa. Ambil perhatian.

“Dalam kerangka belanjawan dan negara begitu juga. Baik untuk pacu pertumbuhan dan tarik pelaburan. Tapi jangan lupa manfaatnya juga harus sampai ke akar umbi. Kita harus menyantuni semua,” katanya.

Baru-baru ini, tular video memaparkan Miftah Maulana Habiburrahman atau lebih dikenali sebagai Gus Miftah menghina seorang penjual teh ais dengan mengeluarkan perkataan ‘bodoh’ terhadap lelaki berkenaan.

Media Indonesia melaporkan, perkataan hinaan itu dikeluarkan pendakwah berkenaan ketika berceramah di Magelang, wilayah Jawa Tengah, pada 20 November lalu.

Susulan insiden itu, Prabowo menegur dan mengingatkan pendakwah terbabit supaya jangan mudah menghina golongan bawahan.